

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

Kuasa Jabatan-jabatan Agama di Malaya

Yaakob Yusuf, Bangkul Kelantan, bertanya:

“Setakat mana kuasa jabatan-jabatan agama Islam yang ada dalam tiap-tiap negeri di Malaya sekarang ini? Tidakkah jabatan-jabatan itu berkuasa menghapuskan pelacuran dan segala yang dilarang syara’ sebagaimana yang sedang menjadi-jadi merata-rata tanah air kita ini?”

Jawab : Kuasa jabatan agama hanyalah setakat menguruskan masalah nikah kahwin (akad dan talak), masalah zakat fitrah, baitulmal dan setengah-setengah harta pusaka yang tidak ada warisnya dan bagi negeri Johor, Kelantan dan Selangor ada sekolah-sekolah agama di bawah tadbirannya. Pendek kata kuasa jabatan-jabatan agama itu hanyalah setakat menguruskan undang-undang sahsiah (*Personal Law*) sahaja.

Jabatan-jabatan agama itu tidak dapat menghapuskan segala yang tersebut itu melainkan kalau diserahkan kepadanya kuasa penuh menjalankan hukum yang telah ditetapkan oleh Islam bagi sesuatu kesalahan iaitu seperti hukum sebat atau rejam bagi pelacur, potong tangan bagi pencuri, tazir bagi peminum arak dan lain-lain. Apa yang boleh dibuat oleh jabatan-jabatan agama sekarang ialah sekadar memberi nasihat, maka nasihat yang tidak ada di belakangnya kuatkuasa menjalankan hukum tiada besar kesannya, kerana ada di antara manusia yang tidak dapat dibaiki kelakuannya melainkan dengan hukuman.

*

Provident Fund

Sulaiman bin Haji Saleh, Batu Pahat, bertanya :

“Apakah hukumnya wang yang disimpan menurut undang “*Provident Fund*” yang dijalankan sekarang ini di Tanah Melayu menurut hukum agama Islam?”



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Sungguhpun di dalamnya merupakan suatu “pertolongan” tetapi harus suatu “paksaan” pula di pihak yang lain. Malah ada di dalamnya wang faedah simpanan?”

Jawab : Undang-undang “*Provident Fund*” di dalam agama yang bukan diperintah menurut ajaran-ajaran Islam – tetapi ada di dalamnya orang-orang Islam adalah suatu cara yang baik untuk menjamin keselamatan hidup seseorang di dalam masa tua atau uzurnya. Negara yang menjalankan peraturan-peraturan dan undang-undang Islam dengan sepenuhnya, tak perlu lagi kepada cara mengadakan “*Provident Fund*” kerana pelajaran, kesihatan, makan minum dan pakaian bagi seseorang di dalam negara Islam itu adalah menjadi tanggungan dan kewajipan negara, atau dengan lebih jelas lagi adalah negara Islam itu “negara *Provident Fund*” mengikut susunan dan peraturan-peraturannya yang tertentu dan tersendiri.

Paksaan dalam sebarang perkara memang tiada dibenarkan dan diluluskan atau diakui oleh Islam, tetapi kiranya paksaan itu tiada bahayanya atas yang kena paksa dan sebaliknya pula ada maslahat atau darurat yang mendesak, maka paksaan itu harus hukumnya selama dharurat dan maslahat itu ada.

Berkenaan dengan “wang faedah” atau bunga maka Islam mengharamkannya sama sekali walau dalam apa rupa dan cara sekalipun.

*

Kaedah sembahyang dahulu dan sekarang.

Mahmud, Tapah Perak, bertanya :

“Bagaimana kaedah sembahyang yang dikerjakan oleh Rasulullah (SAW)

dalam masa hayatnya, adakah seperti yang dikerjakan oleh mazhab-mazhab yang empat sekarang?

Jawab : Harakat dan bacaan-bacaan dalam sembahyang seperti sujud, ruku', itidal, bacaan Fatihah, tashshahud dan sebagainya bagaimana yang dilakukan sekarang adalah menurut bagaimana yang dicontohkan oleh Rasulullah shallāh Allāh 'alaihi wa'alih wa sallam. Tidak ada satu daripada mazhab yang empat itu yang menunjukkan atau mengerjakan suatu rupa dan kifayah sembahyang yang berlainan dengan rupa dan kifayah yang ditunjukkan oleh junjungan kita. Maka berkenaan dengan khilaf yang ada di dalam mazhab itu tentang setengah-setengah sunat sembahyang tiadalah menjadikan sembahyang itu terkeluar daripada kifayah Rasul Allah (SAW).

Membalikkan gambar di rumah orang mati

Aminah Harun Helmi Bandar Bahru, Kedah, bertanya :

“Kenapakah kebanyakan daripada orang-orang kita Melayu apabila berlaku suatu kematian di sebuah rumah maka bagi sementara jenazah itu diiringkan ke perkuburan adalah segala jenis *frame-frame* yang bergambar yang bertaburan di merata-rata dinding itu dibalikkan (ditiarapkan), adakah perbuatan itu diperundang-undangkan oleh agama Islam ataupun sesuatu perasaan keinsafan yang dikandungi adat sahaja?

Jawab : Menurut pendapat kita bahawa meniarapkan gambar-gambar yang bergantung di tembok pada masa itu mayat tidak ada nas daripada syara' menyuruh membuatnya. Ini hanyalah suatu adat yang biasa dibuat di setengah-setengah tempat. Pada fikiran kita perbuatan tersebut harus dan jadi dilakukan dengan maksud supaya menjadikan suasana dalam rumah yang ada mayat itu ada sedihnya dan mendungnya.

*

U.N.O. dan bangsa Melayu

“Abdul Amin Abdul Karim, Bagan Dato’, Perak, bertanya : Adakah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (U.N.O) tahu bahawa bangsa Melayu ada di Malaya ini, serta tahukah mereka yang umat Melayu berkehendakkan merdeka sekarang?

Jawab : Kita percaya bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa

bersatu tentu kenal dan tahu adanya sebuah negeri yang bernama Malaya yang mempunyai kekayaan yang besar dan hasil-hasil getah dan bijih yang banyak serta mempunyai kedudukan yang baik dan penting dalam segi ketenteraan (*military strategic point*). Kita berasa bahawa bangsa Melayu belum lagi terkenal atau ada bertempat dalam istilah bahasa *international*. Hatta dalam negeri Melayu sendiri, bangsa Melayu dianggap oleh orang lain hanya sebagai satu kaum sahaja. Itulah sebabnya badan-badan Melayu di negeri ini dikatakan badan-badan siasah perkauman, sekalipun orang-orang Melayu menganggap badan-badan siasah tersebut badan kebangsaan. Dari sini tuan penyoal bolehlah mengagak adakah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tahukan adanya satu bangsa Melayu di negeri ini, atau tidak! Kita percaya bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu harus tahu bahawa di antara penduduk-penduduk Malaya ini ada satu kaum – bukan bangsa – yang bernama Melayu.

Dalilnya ialah bahawa kerajaan Amerika yang menjadi anggota yang terkemuka sekali dalam pertubuhan itu apakala mengambil penganjur-penganjur negeri ini bagi melawat negerinya maka dipilihnya orang-orang daripada suatu kaum seperti Indian dan Cina termasuklah orang-orang kita Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa negeri ini belum lagi dianggap oleh orang lain mempunyai satu bangsa yang tertentu, malahan hanya dianggap mempunyai penduduk dari berbagai-bagai kaum sahaja.

Kita juga tidak mempunyai keyakinan yang U.N.O tahu bahawa umat-umat Melayu berkehendakkan kemerdekaan kerana orang-orang Melayu belum lagi pergi keluar negeri menyatakan yang demikian itu kepada lain-lain bangsa. Orang-orang kita yang keluar negeri hanyalah untuk makan-makan angin atau meluaskan pandangan sendiri, bukan untuk memperjuangkan kemerdekaan. Dalam sepanjang tuarikh perjuangan siasah bangsa Melayu, baharulah Tengku Abdul Rahman Putra seorang yang berani keluar negeri memperkenalkan cita-cita bangsanya kepada lain-lain bangsa.

Pelacuran dan cara menghapuskannya

Ahmad Puri, guru Sekolah Agama Hulu Ciah, Taiping Perak bertanya :

“Bagaimanakah kita hendak menghapuskan pelacuran yang bertaburan di segenap pekan dan bandar?”

Jawab : Pelacuran adalah satu penyakit masyarakat paling berbahaya, dan agama kita Islam memandang kepada masalah ini dengan bertanya sambil mengangap bahawa masalah itu bukan masalah diri seseorang, malahan masalah yang mengenai masyarakat. Oleh sebab itu Islam menghukum pelacuran yang bersuami atau beristeri dengan hukuman yang amat berat sekali, iaitu direjam yakni ditanamkan separuh badannya dan dilontar dengan batu hingga mati, manakala pelacuran bujang pula dihukumnya seratus kali sebat. Hukum Islam ini sungguhpun berat dan keras, tetapi bagi mensabitkan kesalahan berzina itu telah diletakkan beberapa syarat yang ketat. Hukum yang keras ini jika dapat dijalankan adalah menjadi suatu cara yang baik dan berkesan bagi menghapuskan pelacuran.

Berkenaan bagaimana kita hendak menghapuskan pelacuran itu maka agama kita Islam telah menunjukkan jalan-jalan dan cara-caranya. Satu daripada cara-caranya itu ialah mengenakan hukuman yang berat atas pelacur bagaimana yang diterangkan di atas tadi.

Islam telah menutup pintu yang membawa kepada pelacuran itu, umpamanya, mengharamkan pergaulan lelaki dan perempuan melainkan kerana sesuatu sebab syarie yang mustahak, membenarkan lelaki beristeri empat, memudahkan bagi suami rujuk kepada isteri yang dicerainya talak satu atau dua, membincangkan perbuatan talak kepada suami, mewajibkan nafkah atas suami kepada isteri yang di dalam iddah, dan lain-lain lagi. Selain daripada itu Islam menanamkan di dalam batin pemeluknya iman kepada Allah iaitu satu kepercayaan yang sekiranya betul-betul ada pada seseorang nescaya ia tidak akan tergamak melakukan satu maksiat kecil apalagi maksiat besar seperti lacur atau zina itu.

Zina itu bagaimana yang disebutkan di atas tadi adalah

satu penyakit maka tiap-tiap satu penyakit itu tentulah ada

kuman-kuman atau sebab-sebab yang menjadikannya. Maka sebab-sebab pelacuran itu antara lain-lainnya ialah :-

(1) Pergaulan yang terlalu bebas di antara lelaki dan perempuan. Soal pergaulan ini telah dihadkan oleh Islam dan dipagarnya dalam sempadan yang sempit.

(2) Kebijaksanaan hidup. Masalah ini telah diselesaikan oleh Islam dengan mewajibkan zakat serta membenarkan lelaki yang mampu beristeri empat bagi menyara perempuan-perempuan yang di dalam kesempatan dan kepecekan hidup. Selain daripada itu adalah Islam mewajibkan atas sesuatu keluarga itu menyara seorang perempuan anggota keluarganya yang di dalam kepecekan. Zakat itu kiranya dikumpul betul-betul nescaya tak ada kepecekan dalam masyarakat orang-orang Islam.

(3) Keruntuhan perangai atau kejatuhan moral. Masalah ini telah diselesaikan oleh Islam dengan menanamkan iman di dada tiap-tiap seorang Muslim. Maka seorang Muslim yang tidak tertakluk kepada imannya itu akan diperbaiki dengan menjalankan hukuman-hukuman atasnya kalau berzina direjam atau sebatan hukumnya dan demikianlah seterusnya.

(4) Berlebihan bilangan perempuan daripada lelaki. Perkara ini telah diselesaikan oleh Islam dengan membenarkan seorang lelaki berbilang isteri, tetapi tidak boleh lebih dari empat.

Inilah beberapa sebab-sebab besar yang mendorong kepada pelacuran dan demikianlah pula setengah cara-cara Islam hendak menghapuskan sebab-sebab itu.

Kita telah membaca bahawa ahli-ahli masyarakat pergaulan di Barat telah terlolong-lolong menjerit, kerana melihatkan keruntuhan moral yang disebabkan oleh pergaulan lelaki dan perempuan dalam kilang-kilang dan pejabat-pejabat. Mereka itu menyeru supaya pergaulan itu dikawal dan dihadkan. Pembela-pembela akhlak di Barat itu, oleh melihatkan perempuan-perempuan di sana jatuh dalam pelacuran dengan sebab kekurangan lelaki telah mencadangkan supaya undang-undang berbilang isteri dikuatkuasakan di sana.

15 tahun tidak beranak akan menyusukan ular di akhirat?

Aisyah binti Abdullah dan Masnah binti Widi, Singkang Polis

Stesyen, Kulai Johor, bertanya :

Mereka berdua telah bersuami sudah lima belas tahun lamanya. Malangnya tidak mendapat anak, tetapi keduanya ada berasa musykil kerana orang tua-tua mengatakan : Sekiranya seorang perempuan bersuami dengan tidak mendapat anak maka di akhirat kelak ia akan menyusukan ular atau ulat-ulat sebesar bantal! “Betulkah begitu, atau hanya termasuk dalam bahagian bida’ah dan khurafat?” tanya mereka lagi.

Jawab : Kata orang tua-tua yang demikian itu adalah karut dan suatu khurafat yang sangat berbahaya dan bencananya. Tak usah dimusykilkan kerana soal tidak beranak adalah “perkara biasa” dan banyak orang yang mengalaminya, hinggakan banyak daripada isteri-isteri Rasulullah (SAW) tidak melahirkan anak.

Adapun soal mendapat anak ialah soal yang bersungguh dengan kudrat kuasa Tuhan dan kedudukan manusia dalam soal ini hanya sebagai *wāṣaṭah* sahaja, maka manusia itu tidak akan dihisab, dan disalahkan atas sebarang perkara yang diluar ikhtiar dan kuasanya.

*

Puteri-puteri joget moden

A.M Mustafa, R.A.S.C Air Raja Road, Singapura bertanya :

“Apakah hukumnya di sisi agama, puteri-puteri joget moden yang menari dan bercampur gaul dengan lelaki dengan tidak berbatas, mengapakah pihak pentadbir tiada mengambil peduli?”

Jawab : Hukumnya tentu haram. Joget moden itu telah menjadi punca cerai berai dan segala bala bencana dalam masyarakat hidup kita sehari-hari sehinggakan anak-anak kita – lelaki dan perempuan – yang masih bersekolah, tidak terlepas dari bencana itu.

Berkenaan dengan pihak pentadbir tak mahu ambil peduli, maka kalau pihak pentadbir yang saudara maksudkan itu pejabat agama, maka pejabat agama tak ada kuasa boleh melarang atau menahan, malahan hanya boleh menasihatkan,

dan kalau saudara maksudkan pihak pentadbir itu ialah kerajaan maka kerajaan yang ada sekarang ada undang-undangnya sendiri yang tidak sama dengan undang-undang Islam.

*

Hendak bersedekah tetapi miskin!

Ibnu Haj Salam, Bukit Kafar, Kelang bertanya :

“Saya seorang miskin, tidak dapat bersedekah dengan harta benda pada hal Quran dan hadis menyuruh bersedekah! Bagaimana jalannya supaya saya dapat menunaikan tuntutan yang mulia itu?”

Jawab : Pertanyaan saudara ganjil benar. Dalam apa-apa hal pun, wang ada banyak dalam bank, cubalah saudara buat kira bicara bagaimana boleh dapat wang itu. Umpamanya katakan kepada *manager bank* bahawa saudara hendak bersedekah tetapi wang tak ada, tengok apa jawabnya. Tetapi itu suatu jalan karut dan kita tidak bersungguh menyuruh saudara melakukan demikian.

Jalan yang sebaik-baiknya, janganlah saudara gusar dan menyesal kerana saudara seorang miskin. Banyak amal yang terhitung menjadi sedekah yang tidak payah berkehendakkan wang ringgit dan harta benda boleh saudara kerjakan, misalnya : Menolong bantu isteri di rumah di waktu lapang menjadi sedekah, mengajar anak-anak membaca Quran menjadi sedekah, menghantarkan anak-anak ke sekolah agama atau ke sekolah dunia menjadi sedekah, menolong bantu orang yang kesusahan dengan tenaga menjadi sedekah, baik budi bahasa kepada orang ramai menjadi sedekah dan seribu satu perkara yang tidak payah berkehendakkan wang dan harta benda. Kerjakanlah dan kita doakan dari jauh mudah-mudahan saudara mendapat taufik.

*

Sembahyang orang kapal

Ghazali bin Nordin, Kampung Wak Tanjung Singapura, bertanya :

“Sahkah bagi orang pelayaran atau orang kapal sembahyang qasar?”

Jawab : Sah, kerana orang-orang yang bekerja di kapal yang sentiasa di dalam pelayaran itu tidak ada bezanya dengan penumpang-penumpang yang lain yang terhitung musafir.